

BAB V

BAB V

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kajian ini merupakan perbincangan mengenai pengurusan kebajikan anak yatim dengan meletakkan PEYATIM sebagai kajian khusus. Perbincangan dimulai dengan menerangkan kedudukan anak yatim dalam Islam dengan menghuraikan kedudukan anak yatim pada zaman Jahiliah dan juga pada zaman Islam. Juga membahaskan tentang pengurusan kebajikan anak yatim di dalam al-Quran dan al-Ḥadīth. Kemudian kajian dibuat terhadap PEYATIM dengan menjelaskan latar belakang penubuhannya, struktur organisasi, biro-biro dan aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dijalankan hinggalah kepada permasalahan yang dihadapi oleh PEYATIM. Seterusnya penulis membuat analisa terhadap PEYATIM menurut perspektif al-Quran.

Hasil daripada fakta-fakta dan penelitian yang telah dilakukan, menghasilkan beberapa kesimpulan. Di samping itu, saranan-saranan turut dikemukakan sebagai satu usaha untuk membantu PEYATIM dan pihak yang terbabit dengan pengurusan kebajikan anak yatim agar ianya dapat dijalankan dengan lebih baik dan berkesan serta memperoleh ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah s.w.t.

Sebagai penutup kajian disertasi ini, penulis akan mengemukakan beberapa kesimpulan dan saranan agar ianya dapat dimanfaatkan oleh PEYATIM

dan Ahli Gabungannya serta umat Islam umumnya dalam usaha menghayati ajaran al-Quran dan untuk memastikan nasib anak yatim yang lemah ini terus mendapat pembelaan pada setiap masa.

KESIMPULAN

1. Islam memiliki peraturan yang syumul untuk mengatur kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Islam tidak mengabaikan hak golongan yang lemah seperti anak yatim. Dalam Islam, mereka mendapat pembelaan yang sewajarnya. Berbeza dengan nasib mereka pada zaman Jahiliah, mereka sentiasa ditindas dan hak mereka dinafikan setelah mereka kehilangan bapa yang bertanggungjawab ke atas mereka.
2. Islam juga memandang mulia terhadap pihak yang mengambil berat dan menguruskan kebajikan anak yatim. Kemuliaan mereka itu ditegaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dengan menyatakan bahawa kedudukan orang yang menjaga anak yatim adalah sangat hampir dengan baginda s.a.w. di dalam syurga nanti.
3. Kewujudan anak yatim di merata tempat memberikan ruang yang amat luas kepada umat Islam untuk melakukan amalan kebajikan di mana amalan tersebut akan memberatkan timbangan amalan mereka di akhirat kelak sekiranya ia dilakukan dengan penuh keikhlasan mengharapkan keredhaan Allah s.w.t.

4. Al-Quran merupakan kitab panduan kepada seluruh umat Islam. Isi kandungannya yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan boleh menjadi petunjuk dan hidayah bagi mereka yang sentiasa berpegang teguh kepada segala perintah dan larangannya.

5. Al-Quran juga memberikan fokus yang utama terhadap anak yatim. Pengurusan kebajikan anak yatim dinyatakan dengan terperinci di dalam al-Quran. Ianya mencakupi perkara yang berkaitan dengan pengurusan harta anak yatim, pengurusan anak yatim perempuan, suruhan supaya melakukan ihsan terhadap anak yatim dan juga ancaman terhadap orang-orang yang menghina dan mengherdik anak yatim. Ayat-ayat ini juga telah ditafsirkan dengan terperinci oleh Rasulullah s.a.w. melalui hadis-hadis baginda.

6. Al-Quran mampu untuk membentuk satu masyarakat yang seimbang dan harmoni. sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Dengan wujudnya keseimbangan dalam masyarakat ini, semua orang akan hidup dalam keadaan aman dan sejahtera di bawah naungan al-Quran.

7. PEYATIM merupakan sebuah badan sukarela yang bertujuan untuk menjaga kebajikan anak yatim di Malaysia. PEYATIM bertanggungjawab untuk mengendalikan perkara yang berkaitan dengan kebajikan anak yatim yang tinggal di asrama Ahli Gabungan PEYATIM.

8. Pada dasarnya, PEYATIM merupakan badan induk yang menggabungkan sebanyak 38 buah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam (PKAYI) yang terdapat di Malaysia dan PKAYI ini dianggap sebagai Ahli Gabungan PEYATIM yang terikat dengan syarat-syarat keahliannya. PEYATIM juga menjadi penganjur kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan Ahli Gabungannya. Dengan pemusatan pentadbiran dan pengurusan ini, ia akan mampu mewujudkan satu sistem pentadbiran dan pengurusan asrama anak yatim yang lebih baik dan berkesan.

9. Pada umumnya aktiviti-aktiviti PEYATIM adalah selaras dengan Islam. Namun begitu terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan tidak selaras dengan akhlak Islam di mana berlakunya pergaulan bebas, penutupan aurat yang tidak sempurna dan sebagainya. Justeru itu, pihak PEYATIM perlu mengambil langkah untuk memberikan kefahaman yang sempurna tentang akhlak Islam untuk mereka hayati dalam kehidupan seharian.

10. Dalam menguruskan kebajikan anak yatim, PEYATIM memerlukan perbelanjaan yang besar. Selain daripada mengharapkan sumbangan dan ihsan masyarakat Malaysia, PEYATIM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB) bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perdagangan. Keuntungan yang diperolehi akan digunakan untuk kepentingan anak yatim sepenuhnya.

11. Bidang perniagaan yang diceburi oleh PHSB mempunyai masa depan yang cerah. Ini kerana kebanyakan produk perniagaannya adalah mengikut kehendak pasaran. Di samping itu, PEYATIM turut menjamin kualiti dan harga barangan produknya adalah setaraf dengan produk yang dikeluarkan oleh syarikat lain dengan menggunakan moto “Kebajikan Anak Yatim Tanggungjawab Bersama.” Setiap pembelian akan disalurkan kepada dana kebajikan anak yatim terutamanya yang berkaitan dengan bidang pendidikan.

12. Melalui syarikat sekutunya, PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB), Kolej Teknologi Bestari (KTB) telah ditubuhkan. Ini menunjukkan bahawa PEYATIM amat mementingkan pendidikan kepada anak yatim. KTB merupakan salah satu daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi bagi anak yatim dan miskin yang mempunyai pencapaian yang sederhana dalam bidang pelajaran. Di samping itu, KTB juga mampu menyediakan tenaga kerja bagi keperluan pasaran negara pada masa yang akan datang melalui program francisnya dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

13. PKAYI yang berdaftar dengan PEYATIM merupakan Ahli Gabungan PEYATIM yang secara sukarela bertindak untuk menguruskan kebajikan anak yatim yang tinggal di asrama PKAYI. Ia juga menyedari bahawa

anak yatim yang miskin itu berhak untuk menikmati kehidupan yang teratur dan baik seperti kanak-kanak lain. Sehubungan itu, PKAYI adalah bertanggungjawab untuk menyediakan kediaman yang selesa dengan keperluan asas yang mencukupi untuk membentuk anak yatim menjadi insan yang baik dan berketerampilan.

14. PKAYI juga bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi mendorong dan membimbing anak yatim dalam bidang pelajaran. Dengan menyediakan jadual waktu yang teratur dan kelas tambahan bagi pelajar kelas peperiksaan, anak yatim akan lebih berusaha untuk maju dalam bidang pelajaran sama seperti insan lain yang mempunyai ibu bapa masing-masing.

15. Sikap prihatin anggota masyarakat terhadap anak yatim dapat dilihat melalui bantuan dan sumbangan serta derma yang dihulurkan secara langsung kepada PEYATIM dan Ahli Gabungannya. Sikap berlumba-lumba untuk melakukan kebajikan ini akan lebih ketara lagi setiap kali menjelang bulan Ramadan kerana ketika itu pahala orang yang melakukan sedekah jariah akan diberi ganjaran berlipat ganda oleh Allah s.w.t.

16. Kemerosotan disiplin anak yatim yang tinggal di asrama Ahli Gabungan PEYATIM adalah satu perkara yang perlu dipandang serius. Usaha-usaha yang giat perlu dijalankan bagi memastikan anak yatim yang akan keluar

kepada masyarakat kelak tidak akan menjadi beban kepada masyarakat dan negara.

17. Terdapat segelintir masyarakat Islam yang masih kabur dengan pengertian anak yatim dari kaca mata Islam. Menurut Islam, anak yatim ialah anak-anak yang kematian ibu atau bapanya sebelum mereka mencapai usia baligh. Ini perlu disebar luaskan agar anak yatim yang sebenar akan mendapat bantuan dan hak-hak mereka dengan sebaiknya.
18. Islam memandang kedudukan manusia adalah sama sahaja di sisi Allah s.w.t. walaupun dari sudut lahiriah ada di antara mereka yang kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa ataupun kekurangan dari sudut material. Malahan yang membezakan kedudukan seorang muslim dengan muslim yang lain ialah sifat taqwanya kepada Allah s.w.t.

SARANAN

1. Kepada Orang Awam

- a) Perubahan hidup ke arah pembangunan negara kini merupakan suatu cabaran yang amat besar bagi masyarakat Islam seluruhnya. Dengan demikian umat Islam khususnya perlu melengkapkan diri dengan persediaan-persediaan rohani melalui penghayatan terhadap ilmu-ilmu Islam yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran seterusnya menggunakan kecanggihan masa kini untuk diaplikasikan sebagai media

menyampaikan seruan al-Quran agar berbuat baik kepada anak yatim dan menguruskan kebajikannya di Malaysia khususnya.

- b) Masyarakat Islam harus menaruhkan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan al-Quran dalam menangani permasalahan anak yatim sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a serta generasi *salaf al-Ṣāliḥ* serta pada zaman-zaman kegemilangan Islam. Kewujudan anak yatim di merata tempat kesan daripada peperangan, ancaman wabak penyakit dan sebagainya turut meningkatkan kadar keyatiman.
- c) Masyarakat Islam juga perlu berganding bahu dengan PKAYI yang terdapat di negeri masing-masing untuk menyalurkan segala bentuk sumbangan sama ada kewangan, buah fikiran dan tenaga pakar dalam usaha untuk memberi saham terhadap pengurusan kebajikan anak yatim. Segala amalan itu perlu diniatkan untuk mencari keredhaan Allah bagi membolehkannya menjadi amalan jariah yang akan memberi pulangan manfaat kepada pemiliknya di akhirat kelak.

2. Kepada PEYATIM dan Ahli Gabungannya (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam - PKAYI)

- a) PEYATIM dan Ahli Gabungannya yang berazam untuk melakukan kerja amal mestilah menampilkan satu skop pengurusan kebajikan anak yatim

yang benar-benar komprehensif sesuai dengan keperluan zaman dan keperluan pembangunan Islam itu sendiri yang bersifat menyeluruh dan komprehensif.

- b) Dalam melakukan kerja-kerja sukarela ini amat memerlukan kepada pengembelian tenaga yang besar seiring dengan cabaran masa kini. Oleh itu, setiap individu dalam PEYATIM dan PKAYI yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kebajikan anak yatim mestilah sentiasa memperbaharui niat dan keazaman bahawa tugas mereka adalah mulia dan akan diredai Allah s.w.t.
- c) PEYATIM dan PKAYI perlu memastikan agar pengurusan kewangan anak yatim adalah telus dan adil tanpa wujud pecah amanah terhadap wang yang telah disumbangkan. Pemilihan orang yang benar-benar amanah amat penting bagi mengelakkan orang ramai merasa ragu-ragu untuk menghulurkan sumbangan jika kewangannya diuruskan oleh orang yang tidak memiliki sifat amanah dalam dirinya.
- d) PEYATIM perlu mempertingkatkan lagi teknik untuk memperkenalkan diri dalam arus perdana ini agar segala perancangan dan aktiviti mereka akan mendapat sokongan daripada masyarakat dalam bentuk tenaga, kewangan dan tenaga kepakaran.

- e) Adalah penting bagi PEYATIM dan PKAYI menjadikan *Sirah* Rasulullah s.a.w. sebagai sumber inspirasi utama dalam menguruskan kebajikan anak yatim. Penghayatan yang sebenarnya terhadap *Sirah* Rasulullah s.a.w. akan dapat melahirkan matlamat dan semangat untuk terus melakukan kerja-kerja amal dengan penuh keikhlasan tanpa mengharapkan keuntungan duniawi yang bersifat sementara.
- f) PEYATIM dan PKAYI perlu terkehadapan dalam menangani masalah akhlak remaja khususnya yang melibatkan para penghuni yang tinggal di asrama Ahli Gabungan PEYATIM.
- g) Oleh kerana majoriti penghuni asrama PKAYI adalah terdiri dari golongan kanak-kanak dan remaja, maka tumpuan khusus perlu diberikan kepada mereka kerana mereka kurang memahami konsep ajaran Islam. Di samping itu, mereka juga mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif. Oleh kerana naluri golongan remaja kini gemar kepada sesuatu yang bercorak hiburan dan keseronokan, maka pihak PEYATIM dan PKAYI perlu mengemukakan alternatif bagi remaja mendapat hiburan yang tidak bercanggah dengan Islam seperti, nasyid, sukan, teater dan seumpamanya.
- h) PEYATIM dan PKAYI perlu berusaha untuk memperkenalkan dan menonjolkan dirinya kepada masyarakat bagi memudahkan lagi penerimaan dan sambutan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara saluran yang terbaik adalah melalui media massa seperti televisyen, majalah, akhbar dan internet.

- i) PEYATIM dan PKAYI mestilah berganding bahu untuk meningkatkan produktiviti tanpa mengira perbezaan pendapat dan pendekatan. Setiap unsur yang menjadi jurang perbezaan antara mereka perlu dihindari untuk memastikan kelancaran pengurusan kebajikan anak yatim yang mereka pikul.

- j) PEYATIM perlu mengukuhkan lagi strategi untuk menarik PKAYI lain yang belum menjadi Ahli Gabungan PEYATIM untuk turut serta bergabung dengannya. Penggabungan ini merupakan satu keperluan supaya segala aktiviti dapat dirancang bersama yang mana akhirnya akan mendatangkan manfaat yang besar kepada anak yatim di Malaysia.

- k) Berdasarkan kepada pemerhatian penulis, didapati penyimpanan maklumat dan rekod pencapaian anak yatim dalam bidang pelajaran adalah tidak kemas. Keadaan ini akan menyukarkan pihak AJK PKAYI membuat kajian dan penilaian kepada punca-punca kelemahan para penghuni dalam pelajaran. Oleh itu, penulis menyarankan agar sistem pemfailan diperbaiki untuk kemajuan PKAYI dan para penghuninya pada masa hadapan.

- l) Selain itu, pihak PKAYI hendaklah selalu mengadakan bengkel-bengkel motivasi dengan kerjasama pihak luar seperti yang dilakukan oleh para pelajar IPTA dan IPTS agar kesedaran dan minat anak yatim terhadap pelajaran sentiasa subur.

- m) Tahap pergaulan anak yatim di PKAYI dengan masyarakat luar perlu dipertingkatkan supaya masalah psikologi seperti rendah diri, rasa tersisih di dalam kelas, dipandang hina oleh kawan-kawan dan sebagainya dapat dikikis daripada jiwa mereka. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan aktiviti tahunan yang melibatkan anak yatim dengan masyarakat sekitarnya seperti Hari Keluarga dengan memuatkan acara seperti tilawah, syarahan, nasyid, sukaneka dan sebagainya. Di samping acara ini memberikan pengalaman dan pengetahuan, ia secara tidak langsung dapat mendekati anak yatim kepada masyarakat sekeliling dan sedikit demi sedikit akan menghilangkan tanggapan negatif mereka terhadap masyarakat.
- n) Pendidikan agama sangat penting untuk membentuk sikap dan perwatakan anak yatim yang baik dan bertanggungjawab kepada diri, keluarga, agama dan negara. Sebagai penambahan dan pengukuhan kepada apa yang telah dipelajari di sekolah, PKAYI boleh mengadakan program pengisian rohani selepas waktu Maghrib dan pada hari cuti.

3. Kepada PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB) dan Anak Syarikatnya

- a) PHSB perlu memastikan agar segala bentuk perniagaan yang diceburi mestilah menepati kehendak Islam melalui urusan muamalat yang sah di

sisi syarak dan bukan hanya sekadar memikirkan keuntungan yang bakal diperolehi sahaja.

- b) PHSB disarankan agar lebih berani menceburi bidang perniagaan yang lebih mencabar seperti dalam sektor hartanah dan perindustrian. Ini akan mampu meransang ekonomi PEYATIM dalam menguruskan kebajikan anak yatim di Malaysia.

- c) PEYATIM Niaga Sdn. Bhd. (PNSB) perlu memastikan agar barang keluarannya mempunyai kadar piawaian yang setaraf atau lebih baik daripada barangan yang ada di pasaran dengan mengekalkan kadar harga yang berpatutan dan mampu dimiliki oleh anak yatim khususnya dan masyarakat Islam umumnya.

- d) PNSB juga perlu berusaha untuk membuka kilangnya sendiri tanpa bergantung kepada para pembekal bagi mengelakkan penawaran harga yang berbeza. Sebagai contohnya, pembekal air mineral pernah menawarkan harga yang lebih tinggi kepada PNSB daripada harga yang ditawarkan kepada pihak lain.

- e) PEYATIM Industries Sdn. Bhd. (PISB) yang mengeluarkan produk roti perlu meluaskan pasaran produknya ke seluruh Malaysia. Dengan mengeluarkan produk roti yang enak dan berbagai jenis akan memberikan peluang membuat pilihan kepada para pengguna.

- f) PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB) pula perlu memastikan agar kuota 30% anak yatim di KTB dipenuhi. Maklumat yang lebih luas perlu disebarkan kepada anak yatim yang tidak menjadi penghuni asrama PKAYI. Ini kerana mereka juga layak untuk memenuhi kuota tersebut.
- g) Syarikat-syarikat sekutu PHSB pula disarankan agar melaksanakan tugas mereka sebagaimana yang telah ditetapkan demi memastikan hasil yang baik dapat dicapai. Sebarang kelemahan akan menjejaskan pengurusan kebajikan anak yatim oleh PEYATIM.
- h) PHSB hendaklah berusaha menyebarkan maklumat mengenai kegiatannya kepada masyarakat umum. Ini dapat dilakukan dengan menyebarkan risalah-risalah di kompleks membeli belah, masjid ataupun dengan mewujudkan laman webnya sendiri. Dalam zaman yang serba canggih ini, seseorang itu mampu mendapat maklumat dengan pantas.
- i) PHSB juga perlu melatih para pekerjaanya agar memiliki sifat amanah dan ihsan dalam erti kata yang sebenarnya. Ini bagi memastikan setiap kakitangannya dan orang yang terlibat secara langsung dengan PHSB merasai bahawa Allah sedang melihat apa yang mereka lakukan. Ini bagi mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan wang PEYATIM yang sepatutnya digunakan untuk menjaga dan menguruskan kebajikan anak yatim.

- j) Dalam apa jua keadaan, PEYATIM, PHSB dan PKAYI perlu seia sekata dalam menjalankan kerja-kerja kebajikan yang membabitkan pengurusan kebajikan anak yatim dan mereka perlu meyakini bahawa amal mereka akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda jika ianya dilakukan dengan ikhlas dan amanah.

4. Kepada Agensi Kerajaan dan Swasta

- a) Pihak kerajaan disarankan agar bersikap terbuka dan memberikan sokongan yang padu kepada PEYATIM terutamanya dari sudut material, spiritual dan motivasi terhadap PEYATIM dan Ahli Gabungannya. Ini untuk menunjukkan komitmen kerajaan terhadap usaha amal mereka dan mereka akan merasa kewujudan dan sumbangan mereka dihargai.
- b) Pihak kerajaan perlu menerapkan kesediaan untuk berkongsi idea dengan PEYATIM dengan menawarkan bantuan kepakaran dan pengurusan staf. Dengan ini pihak pengurusan PEYATIM akan mampu menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.
- c) Badan-badan korporat serta orang perseorangan diharapkan agar dapat menyalurkan berbagai bentuk bantuan kepada PEYATIM dan Ahli Gabungannya yang secara sukarela menjalankan kerja-kerja pengurusan kebajikan anak yatim. Kesungguhan dan kesediaan PEYATIM ini patut

diberikan perhatian dan penghargaan yang sewajarnya kerana sumbangan mereka yang amat besar dalam menguruskan kebajikan anak yatim di Malaysia.

- d) Pihak media massa sama ada kerajaan ataupun swasta disarankan agar membuka peluang yang lebih luas kepada PEYATIM untuk menggunakan media massa mereka sebagai saluran informasi kepada masyarakat di samping mengadakan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa.